

Wabak Neoliberalisme

Oleh ZULKIFLI SALLEH

SAMIR Amin dalam bukunya, *The Liberal Virus: Permanent War and the Americanization of the World*, menulis bahawa menjelang pengakhiran abad ke-20, penyakit melanda dunia. Bukannya setiap orang mati, tetapi semuanya merana menanggung akibatnya. Virus yang menyebabkan epidemik itu disebut "virus liberal". Virus ini muncul sekitar abad ke-16 dalam segi tiga yang dijelaskan oleh Paris-London-Amsterdam.

Simptom yang ditunjukkan oleh penyakit tersebut pada ketika itu, kelihatan tidak bahaya. Virus ini yang muncul semula di Eropah menjelang pengakhiran abad ke-20, pulang semula dari Amerika, tempat virus dimutatkan. Kini semakin diperkuat, virus memusnahkan antibodi dalam jumlah yang sangat besar yang dibina oleh Eropah sepanjang tiga abad sebelum ini. Virus yang diungkapkan secara metafora itu ialah liberalisme yang berasal usul di Eropah. Menurut Amin, ideologi liberal muncul dengan kebangkitan kemodenan dan membangun secara serentak dengan pembentukan kapitalisme.

Kini virus baru muncul yang dikenali sebagai COVID-19, melanda 213 buah negara dan wilayah di seluruh dunia, selain dua buah kapal pembawa antarabangsa. Seperti pada 20 Mei, 4 986 332 disahkan dijangkiti, manakala 324 910 kes kematian. Amerika Syarikat masih kekal di tempat teratas dengan 1 570 583 kes dan 93 533 kes kematian. Negara lain yang turut tersenarai dalam 10 teratas ialah Rusia, Sepanyol, Brazil, United Kingdom, Perancis, Jerman, Turki dan Iran. China tempat wabak bermula dan pernah menduduki tempat teratas, kini pada tangga ke-13 di belakang Peru dan India.

Dalam *Monthly Review* keluaran Mei, Rob Wallace, Alex Liebman, Luis Fernando Chaves, dan Rodrick Wallace muncul dengan "*COVID-19 and Circuits of Capital*" yang membangkitkan kegagalan bagi membuat persediaan untuk bertindak balas terhadap kerebakan yang bukannya hanya bermula pada Disember apabila negara di seluruh dunia gagal bertindak balas sebaik-baik sahaja COVID-19 merebak dari Wuhan. Misalnya, di Amerika Syarikat,

kerebakan ini tidak bermula apabila Donald Trump merombak pasukan keselamatan negara untuk persediaan pandemik atau membiarkan jawatan di Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) tidak diisi.

Hal ini bukan juga bermula apabila ejen persekutuan gagal bertindak terhadap keputusan simulasi pandemik tahun 2017 yang menunjukkan negara itu tidak bersedia. Bukan juga apabila, seperti yang dinyatakan dalam tajuk berita *Reuters*, Amerika Syarikat “pecat pakar CDC yang bertugas di China beberapa bulan sebelum kerebakan virus”, meskipun hilang kontak awal secara langsung daripada pakar Amerika Syarikat di lapangan di China, pastinya melemahkan respons Amerika Syarikat. Bukan juga bermula dengan keputusan yang tidak bernasib baik apabila tidak menggunakan kit ujian yang telah pun dapat diperoleh yang dibekalkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Serentak itu, iaitu lewat dalam maklumat awal dan terlepas peluang menyeluruh tanpa sebarang keraguan akan bertanggungjawab terhadap banyak orang, kemungkinan beribu-ribu kehilangan nyawa. Kegagalan ini sebenarnya diprogramkan berdekad-dekad lalu kerana kesihatan awam yang dikongsi bersama-sama secara serentak diabaikan dan “diwangkan”. Keempat-empat penulis itu kemudiannya, memperkenalkan teori umum mereka tentang kemunculan penyakit neoliberal, termasuk di China.

Krisis coronavirus dikatakan menunjukkan detik kritis dalam pembangunan kapitalisme sezaman. Pasti krisis ini mempunyai jangka panjang dan mempunyai impak penuhnya terhadap Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, China, Jepun, dan negara membangun kekal kelihatan. Akan tetapi, tidak diragui bahawa krisis ini memberikan ancaman kemurungan yang sangat besar dalam seluruh ekonomi dunia. Kegagalan sistemik pengewangan dan globalisasi ditunjukkan dengan ketara oleh darurat kesihatan awam dan negara menjadi lebih terbabit bagi mengekalkan sistem yang gagal ini. Walau bagaimanapun, ciri campur tangannya tidak memberikan alasan untuk memikirkan bahawa akan wujud


transformasi pada peringkat atas hierarki politik dan sosial yang mengakibatkan dasar yang mengutamakan kepentingan orang yang bekerja.

Pandemik coronavirus yang berlaku sekarang bukan sekadar krisis perubatan tetapi juga krisis politik dan ideologi. Sememangnya krisis ini berakar umbi selama bertahun-tahun ekoran pengabaian oleh kerajaan neoliberal yang menafikan pentingnya kesihatan awam dan barang awam ketika pengurangan pendanaan institusi yang merupakan suatu kemungkinan. Pada masa yang sama, krisis ini tidak boleh dipisahkan daripada krisis ketidaksamaan yang sangat meluas dari segi kekayaan, pendapatan dan kuasa. Tidak boleh dipisahkan juga daripada krisis nilai demokratik, pendidikan, dan pemusnahan alam sekitar.

Pandemik korona virus saling berhubung secara mendalam dengan pempolitikan tatanan atau orde natural menerusi serangan kemusnahannya yang dilancarkan oleh globalisasi neoliberal terhadap ekosistem. Selain itu, pandemik ini tidak boleh dipisahkan daripada kekaguman rasisme, ultranasionalisme, sentimen antipehijrah, dan ketaasuban yang menguasai pandangan hidup nasional sebagai cara untuk mempromosikan ketakutan yang dikongsi berbanding dengan tanggungjawab yang dikongsi.

Henry A. Giroux yang muncul melalui laman Web *SP: The Bullet*. “*The COVID-19 Pandemic is Exposing the Plague of Neoliberalism*”, menegaskan bahawa wabak ini mempunyai satu akar politik penyahpolitikannya yang menjadi jelas bahawa pendidikan merupakan sifat utama politik dan selalunya memainkan peranan yang utama – sama ada dalam cara nampak ataupun cara berselindung – dalam mana-mana projek ideologi. Misalnya, pendidikan merupakan prinsip pedagogi utama neoliberalisme bahawa tanggungjawab individu merupakan satu cara untuk menangani masalah sosial, dan akibatnya, tidak perlu menangani isu sistemik yang lebih luas, memegang tanggungjawab kuasa atau mendakap soal tanggungjawab kolektif.

Sebagai politik pembendungan, neoliberal menswastakan dan mengindividukan masalah sosial, misalnya cuci tangan anda sebagai



Wabak
cara untuk membendung pandemik. Dengan berbuat demikian, “cuba membendung mana-mana politik demokratik sebenar; bahawa untuk mengatakan, politik berasaskan solidariti kolektif dan kesamaan (kerana) politik demokratik merupakan ancaman terhadap keperdanaan pasaran.”

Di samping itu, penekanan neoliberalisme terhadap persaingan dan mementingkan diri tidak rasional yang ekstrem, dan ketidaksabarannya dengan soal etika, keadilan, dan kebenaran telah melemahkan pemikiran kritis serta kuasa pertimbangan termaklum. “Selama berdekad-dekad hingga kini, penyahindustrian, penyumberluaran kerja, dan kemudian automasi, melucutkan keselamatan dan maruah orang bekerja”.

Krisis koronavirus yang menular ke seluruh dunia dijangkakan memusnahkan neoliberalisme kerana campur tangan negara mungkin kembali semula melalui agenda kerajaan. Walau bagaimanapun, Alex Doherty yang menulis dalam *The Guardian*, “Has the Coronavirus Crisis Killed Neoliberalism? Don't Bet on it”, mengingatkan bahawa dakwaan

seperti ini sepatutnya dilayan dengan hati-hati kerana tidak kurang ramalan dibuat berikutan krisis kewangan, dan selepas undi “Brexit” dan pemilihan Donald Trump sebagai Presiden Amerika Syarikat. Ramalan sedemikian berkesudahan menjadi tidak keruan yang serius.

Pada ketika krisis kewangan memuncak, penerima Hadiah Nobel, ahli ekonomi Joseph Stiglitz mengumumkan “neoliberalisme sudah mati”. Namun begitu, Doherty mengingatkan tidak lama selepas itu pengumuman tersebut pramatang. “Memang benar bahawa krisis itu kelihatan membawa ancaman yang serius terhadap penghormatan pasaran kerana kerajaan terpaksa melancarkan pelan penyelamat untuk sektor kewangan. Akan tetapi, puak neoliberal sejak lama memahami bahawa projek mereka campur tangan negara untuk mewujudkan dan mengekalkan pasaran.”

Paling terganggu, dalam konteks pandemik dan krisis iklim, kegigihan pandangan neoliberal tentang individu sebagai modal insan meningkatkan kemungkinan kerajaan menganggap penduduk “nilai rendah” sebagai pakai buang. Campur tangan negara untuk melindungi pendapatan dialu-alukan tetapi boleh digunakan oleh kerajaan untuk melaksanakan jenis *triage* ekonomi dengan penduduk dianggap tidak berbaloi untuk dilaksanakan “pelan penyelamat” terkeluar daripada sokongan negara.

Namun begitu, Doherty mengakui bahawa semua ini tidak menafikan bahawa krisis COVID-19 memberikan ancaman sebenar terhadap faham ortodoks neoliberal. Penjarakan fizikal dan kuarantin yang dikuatkuasakan mengganggu pasaran buruh, berpotensi menganjak keseimbangan kuasa antara buruh dengan modal bagi mengutamakan pekerja. Peningkatan mogok liar dan kemunculan kumpulan bantuan bersama pastinya menggalakkan.

Dalam krisis, apa-apa yang pernah tidak dapat difikirkan boleh secara tiba-tiba tidak dapat dielakkan. Krisis koronavirus memberikan kejutan besar terhadap masyarakat sejak Perang Dunia Kedua dan neoliberalisme diperhatikan sedang menarik nafas terakhirnya. Daripada cukai yang lebih tinggi untuk golongan kaya

kepada kerajaan yang teguh, masa sudah tiba untuk idea yang kelihatan mustahil hanya beberapa bulan lalu.

Pada 4 April, *Financial Times* menerbitkan editorial yang berkemungkinan akan dipetik oleh sejarawan untuk tahun-tahun mendatang, yang menyatakan: "Pembaharuan radikal – menerbalikkan hala tuju dasar lazim empat tahun lalu akan perlu diletakkan di atas meja. Kerajaan akan perlu menerima peranan yang lebih aktif dalam ekonomi. Mereka mesti melihat perkhidmatan awam sebagai pelaburan dan bukannya sebagai liabiliti, serta melihat cara untuk menjadikan pasaran buruh kurang tidak selamat. Pengagihan semula akan sekali lagi menjadi agenda; hak istimewa orang tua dan orang kaya menjadi persoalan. Dasar yang hingga baru-baru ini dianggap sepi, seperti pendapatan asas dan cukai kekayaan, akan sepatutnya dalam campuran".

Akhbar yang merupakan pentas kapitalisme, dikatakan tiba-tiba memperjuangkan lebih banyak pengagihan semula, kerajaan yang lebih besar, bahkan pendapatan asas. Selama berdekad-dekad, *Financial Times* diperhatikan berdiri teguh di belakang model kapitalis kerajaan kecil, cukai yang rendah, keselamatan sosial yang terhad.

Kini 12 tahun selepas krisis kewangan global, krisis menyerang semula. Satu krisis yang lebih membawa kemusnahan, mengejutkan, dan lebih banyak membawa maut. United Kingdom dijangkakan terjebak dalam kemelesetan yang lebih besar sejak musim sejuk tahun 1709. Hanya dalam masa tiga minggu, hampir 17 juta orang di Amerika Syarikat memohon bayaran impak ekonomi. Tidak seperti keruntuhan pada tahun 2008, krisis coronavirus mempunyai sebab yang jelas.

"Welcome to the First Global Economic Depression of Our Lifetimes", Ian Bremmer menulis dalam *Time*, bahawa satu lagi minggu, satu lagi laporan pekerjaan yang menakutkan Amerika Syarikat. Data terus mengalir masuk tetapi sudah tiba masanya untuk mula menyebut kemurungan ekonomi global. Dari segi teknikal, tidak wujud takrif rasmi istilah "kemurungan". Akan tetapi, berbanding dengan "kemelesetan" yang ditakrifkan dua suku

berturut-turut penguncupan pertumbuhan ekonomi, wujud beberapa peraturan umum yang dapat kita terapkan – kemurungan adalah global, jauh lebih teruk daripada kemelesetan tipikal, dan impaknya terhadap kedua-duanya, iaitu ekonomi dan masyarakat, memakan masa yang lebih lama.

• Tidak seperti tahun 2008, hal ini merupakan krisis ekonomi sebenar kerana kedua-duanya, iaitu penawaran dan permintaan terjejas sangat teruk yang tidak pernah berlaku sebelum ini. Akan tetapi, hanya sebagai pentingnya ancaman berterusan yang diberikan oleh coronavirus.

• Amerika Syarikat dikatakan telah pun dalam Kemurungan Besar. Ekonominya merudum dengan rekod 20.5 juta orang hilang pekerjaan pada April. Pengerusi Rizab Persekutuan, Jerome Powell, memberitahu bahawa pada pertengahan Mei, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Amerika Syarikat mengecut lebih daripada 30 peratus tetapi beliau tidak lihat akan berlaku sekali lagi Kemurungan Besar. Beliau juga mengaku bahawa bilangan orang yang menganggur akan kelihatan banyak seperti yang berlaku pada tahun 1930-an, apabila kadarnya memuncak hampir kepada 25 peratus.

Tatkala pandemik COVID-19 masih mara, walaupun tidak semakin mengganas, pandemik neoliberalisme seakan-akan berundur. Neoliberalisme yang terpaksa berundur akibat krisis kewangan global tahun 2008 tetapi kemudian mara semula apabila kerajaan besar digantikan oleh jimat cermat. Kini coronavirus yang melanda dunia seakan-akan memaksa neoliberalisme berundur berikutan campur tangan dalam pasaran dan ekonomi.

• Napoleon gagal menakluki Rusia, demikian juga Hitler namun Maut Hitam mampu melakukannya. Kini pandemik COVID-19 banyak menumpaskan negara maju, seperti Amerika Syarikat, United Kingdom, Itali, Perancis, Jerman, dan negara yang pernah muncul sebagai kuasa besar, iaitu Rusia. Oleh itu, jangan terperanjat sekiranya wabak yang boleh membawa maut ini juga menumpaskan neoliberalisme. •